

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**

**TARIKH : 7 MEI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 29**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah komitmen kerajaan untuk memastikan industri teksi kekal berdaya saing.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk terus memastikan industri teksi kekal berdaya saing walaupun telah membuat keputusan untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*. Pengawalseliaan terhadap operasi *e-hailing* merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk memastikan industri teksi terus berdaya saing dalam persekitaran persaingan yang lebih seimbang dan sihat.
2. Antara langkah-langkah yang sedang dan telah dilaksanakan bagi menaik taraf perkhidmatan teksi di negara ini adalah:
  - i) Pemandu teksi bermeter digalakkan untuk menggunakan platform aplikasi *e-hailing* sebagai salah satu kaedah untuk mendapatkan penumpang selain daripada kaedah tahanan tepi jalan. Kaedah ini dilihat lebih cekap kerana aplikasi tersebut boleh menghubungkan penumpang dan pemandu menerusi telefon pintar. Ia adalah berikutan trend terkini di mana pengguna lebih cenderung untuk mendapatkan perkhidmatan dengan cara yang paling mudah tanpa perlu pergi ke hentian teksi atau menunggu teksi di tepi jalan. Selain itu, pemandu teksi turut dibenarkan untuk mengenakan tambang dinamik (tambang *e-hailing*) apabila membawa penumpang melalui tempahan *e-hailing* selain dari mengenakan tambang meter apabila membawa penumpang secara "*street hail*";

**NO. SOALAN: 29**

- ii) Kerajaan juga telah menetapkan kadar komisen maksima yang boleh dikenakan oleh syarikat *e-hailing* ke atas pemandu teksi sebanyak 10% sahaja bagi setiap perjalanan;
- iii) Membuka pilihan jenama dan model kenderaan bagi kegunaan teksi berbanding jenama Proton sahaja. Ini memberikan pilihan dan fleksibiliti kepada pemandu mengikut kesesuaian dan bajet masing-masing. Semua kenderaan yang hendak dijadikan sebagai teksi perlu mempunyai penarafan keselamatan tiga (3) bintang di bawah Program Penilaian Kereta Baharu ASEAN (NCAP) atau setaraf dengannya;
- iv) Menurunkan kos operasi pemandu melalui penambahbaikan pemeriksaan kenderaan berkala dan meter teksi di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) iaitu:
  - a. Pemeriksaan berkala kenderaan dikurangkan daripada dua (2) kali setahun kepada satu (1) kali setahun apabila kenderaan mencapai usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
  - b. Pemeriksaan berkala meter teksi dikurangkan daripada dua (2) kali setahun kepada satu (1) kali setahun bagi kelas lesen teksi.
- v) Memperkenalkan modul latihan yang baharu kepada pemandu teksi yang ingin memohon lesen vokasional. Modul baharu ini menitikberatkan keusahawanan dan teknologi, khidmat pelanggan cemerlang dan undang-undang yang

**NO. SOALAN: 29**

berkaitan. Ia dijangka akan membantu pemandu teksi meningkatkan keupayaan untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang selain turut menggalakkan mereka meningkatkan pendapatan apabila membawa penumpang melalui tempahan *e-hailing*; dan

- vi) Menetapkan kepada pemandu teksi untuk mencarum Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memastikan kebajikan mereka terbela jika berlaku sesuatu kemalangan yang menjejaskan pekerjaan mereka.

Sekian, terima kasih.